

LIHAT PERINGATAN BAGI YANG INGIN MELAKUKAN IBADAH KORBAN APABILA TIBANYA 1 ZULHIJJAH

ارشاد الفتوى | 404
IRSYAD AL-FATWA

Larangan potong kuku dan rambut bagi yang ingin melakukan ibadah korban

Daripada Ummu Salamah R.Anha, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda :
" Barangsiapa yang mempunyai binatang korban untuk disembelih, maka apabila terihatnya anak bulan Zulhijjah, janganlah dia mengambil satu apa pun (yakni memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkorban. "
(Hadis riwayat Imam Muslim : 1977)

HIKMAH LARANGAN MEMOTONG KUKU DAN RAMBUT BAGI ORANG YANG INGIN MELAKSANAKAN KORBAN

- Imam Nawawi R.h: Supaya anggota yang terdapat pada badannya itu semuanya akan dibebaskan daripada api neraka.



**Satibus Samalah**
Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri menyimpulkan:

“Apabila tiba 1 Zulhijjah maka disunatkan untuk tidak memotong kuku, rambut serta bulu-bulu yang berada di badan sehingga selesai melakukan ibadah korban tersebut. Ini juga adalah pendapat muktamad di dalam mazhab al-Syafi'e.”

SUMBER: IRSYAD AL-FATWA HAJI DAN KORBAN SIRI 32 | ANJURAN UNTUK TIDAK MEMOTONG KUKU DAN RAMBUT BAGI YANG INGIN MELAKUKAN IBADAH KORBAN APABILA TIBANYA 1 ZULHIJJAH

f Mufti Wilayah Persekutuan @drzulalbakri @drzulkifli.albakri Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan www.muftiwp.gov.my



Apabila sudah masuk bulan Zulhijjah (1 Zulhijjah) maka disunatkan bagi orang yang ingin berkorban untuk tidak memotong rambut di kepalanya, wajahnya, atau badannya, tidak juga memotong kukunya, sehingga dia selesai menyembelih korbannya. Hal ini berpandukan hadis daripada Ummu Salamah R.anha bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ لَهُ ذَبْحٌ يَذْبَحُهُ فَإِذَا أَهَلَ هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ، فَلَا يَأْخُذَنَّ مِنْ شَعْرِهِ، وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا حَتَّى يُضَحِّيَ

Maksudnya: *Barangsiapa yang mempunyai binatang korban untuk disembelih, maka apabila terihatnya anak bulan Zulhijjah, janganlah dia mengambil satu apa pun (yakni memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkorban.*

Hadis riwayat Imam Muslim (1977)

Al-Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim* menyebutkan bahawa hadith ini, sebahagian ulama' memahaminya dengan mengatakan haram untuk memotong rambut, mencabut bulu-bulu yang ada di badan serta memotong kuku dan ini adalah pendapat Sa'id bin al-Musayyib, Rabi'ah, Ahmad, Daud al-Zahiri, Ishak dan juga sebahagian *ashab* al-Syafi'e. Adapun al-Imam al-Syafi'e dan *ashabnya* yang lain, mereka mengatakan bahawa larangan tersebut hanyalah *makruh tanzih* dan bukannya haram.

Kesimpulan

Melihat kepada pendapat-pendapat yang ada di dalam permasalahan ini, kami nyatakan di sini bahawa bagi mereka yang ingin melakukan ibadah korban, apabila tibanya 1 Zulhijjah maka disunatkan untuk tidak memotong

kuku, rambut serta bulu-bulu yang berada di badan sehinggalah selesai dia melakukan ibadah korban tersebut. Ini seperti mana pendapat al-Imam al-Syafi'e beserta *ashabnya* yang lain dan ini juga adalah pendapat muktamad di dalam mazhab al-Syafi'e.

Antara hikmah yang disebut oleh Imam Nawawi Rahimahullah dalam Syarah-nya ialah larangan memotong kuku dan menggunting rambut bagi orang yang ingin melaksanakan korban ialah supaya anggota yang terdapat pada badannya itu semuanya akan dibebaskan daripada api neraka. Ada pendapat yang lemah menyatakan untuk menyerupai orang yang berada dalam keadaan ihram di mana dia diharamkan untuk bergunting, mencukur, memotong kuku dan beberapa larangan lain. *Wallahua'lam.*

Akhukum fillah,

S.S Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri

Mufti Wilayah Persekutuan